

Headline	TNB pacu pelan strategik rendah karbon		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	13 Oct 2021	Language	Malay
Circulation	112,705	Readership	338,115
Section	Bisnes	Page No	24
ArticleSize	223 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 26,253		



TNB pacu pelan strategik rendah karbon

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengambil langkah proaktif sejak Ogos lalu melalui pengumuman hala tuju kelestarian (TNB *Sustainability Pathway*) dengan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang tahun 2050.

Pengerusi TNB Datuk Seri Hasan Ariffin berkata, Kumpulan mengalui-alukan dan menyokong penuh pendirian kerajaan dalam menerajui agenda perubahan iklim dan teknologi hijau negara yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

"Dalam mendukung usaha meminimumkan kesan peningkatan pelepasan gas rumah kaca ekoran aktiviti

manusia, TNB selaku syarikat utiliti elektrik nasional mengambil tindakan proaktif Ogos lalu dengan mengumumkan hala tuju kelestariannya.

"Di bawah hala tuju ini, kami menetapkan aspirasi mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050. Hasrat ini dipacu komitmen mengurangkan intensiti pelepasan 35 peratus serta pengurangan 50 peratus kapasiti penjanaan tenaga menerusi arang batu menjelang 2035," katanya dalam kenyataan.

Menurutnya, ia adalah pelan strategik rendah karbon untuk menyumbang kepada kehidupan lebih sejahtera sejarah komitmen masyarakat dunia melin-



Sebagai langkah tambahan, TNB juga akan meningkatkan peruntukan dalam R&D berkaitan RE selain usaha sedia ada dalam aktiviti perniagaan RE"

Baharin Din

dungi bumi dengan memastikan semua orang menikmati kesejahteraan.

"Inisiatif TNB ini mewujudkan agenda perubahan iklim dan teknologi hijau kelebihan Malaysia yang bakal dibentangkan pada Konvensyen Rangka Kerja Pe-



rubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFCCC COP-26) di Glasgow, Scotland pada 31 Oktober hingga 12 November depan," katanya.

Sementara itu, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB Datuk Ir Baharin

Din berkata, TNB juga komited memastikan pendapatan daripada loji arang batu tidak melebihi 25 peratus daripada keseluruhan pendapatannya.

"Pada awal tahun ini pula, kami sudah menyatakan komitmen untuk tidak lagi melabur dalam pembinaan loji arang batu di atas tapak baharu selepas Stesen Jakuasa Jimah East Power, di Port Dickson, yang mula beroperasi pada 2019.

"Sebagai langkah tambahan, TNB juga akan meningkatkan peruntukan dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) berkaitan tenaga boleh baharu (RE) selain usaha sedia ada dalam aktiviti perniagaan RE," katanya.